



UNTUK SIARAN
SEGERA

15 JULAI 2021

KENYATAAN MEDIA

MENTERI KEWANGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PENDAFTARAN GERAN KHAS PRIHATIN (GKP) 4.0 DIBUKA MULAI 15 HINGGA 31 JULAI 2021

Di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) yang diumumkan pada 28 Jun 2021, Kerajaan terus komited untuk menyokong sektor perniagaan khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mikro melalui Geran Khas Prihatin (GKP) 4.0. Ia bertujuan untuk meringankan beban kewangan PKS mikro agar mereka mampu mengharungi tempoh yang masih mencabar pada ketika ini.

Peruntukan GKP 4.0 ialah sebanyak **RM1 bilion** di mana bayaran akan dibuat pada bulan September 2021 (RM500) dan November 2021 (RM500) melibatkan penerima GKP sedia ada dan juga pemohon yang baharu diluluskan. Penerima GKP sedia ada tidak perlu membuat sebarang permohonan. **Bagi PKS mikro yang tidak pernah menerima GKP sebelum ini, tempoh pendaftaran GKP 4.0 akan dibuka mulai 15 hingga 31 Julai 2021 secara dalam talian melalui Portal GKP**, iaitu <https://gkp.hasil.gov.my>.

Dengan adanya proses pendaftaran baharu ini, sebahagian daripada kalangan PKS mikro yang tidak lulus dan belum menerima GKP masih diberi ruang untuk mengemukakan permohonan untuk dibuat verifikasi semula. PKS mikro yang layak untuk GKP 4.0 adalah perniagaan yang menepati kriteria PKS mikro dan juga berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) atau Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) setakat 30 Jun 2021. Untuk maklumat lanjut, pemohon GKP boleh merujuk Soalan Lazim (FAQ) yang telah dimuat naik di portal rasmi GKP.

Secara keseluruhan, jumlah peruntukan yang telah dan akan disalurkan kepada hampir 1 juta PKS mikro di bawah GKP semenjak COVID-19 melanda negara adalah RM6.1 bilion. Kerajaan berharap agar bantuan langsung berterusan yang disalurkan kepada PKS mikro ini akan meringankan beban mereka, terutamanya perniagaan yang masih tidak dibenarkan beroperasi pada ketika ini.

YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan
15 Julai 2021